

# Perjalanan panjang Cheong Min berbaloi di pentas dunia



Oleh AMINNUDIN  
LOKMAN HAKIM  
aminnudin.hakim@mediamula.com.my

**SETIAP** senyuman manis dan pingat yang digenggam ratu wushu negara, Tan Cheong Min menyimpan kisah luka yang tidak pernah dilupakan.

Tahun 2023 menjadi detik paling pahit buatnya selepas hasrat untuk merangkul pingat emas pada Kejohanan Dunia edisi ke-16 di Amerika Syarikat (AS) berkecai.

Atlet kelahiran Tanjung Minyak, Melaka itu berkata, tubuhnya tidak lagi mampu melawan, malah masalah kesihatan turut meragut peluang meraih emas pada kejohanan itu.

“Pada kejohanan di AS, saya tidak dapat beraksi dengan baik kerana mengalami demam. Ketika itu, saya baru sahaja melalui beberapa kejohanan penting berturut-turut, tubuh kurang rehat, ditambah pula dengan perjalanan hampir dua hari serta cuaca yang sejuk, semuanya menjejaskan prestasi saya,” katanya.

Namun, atlet berusia 27 tahun itu tidak menjadikan kegagalan itu sebagai noktah buatnya apabila beliau bangkit menebus kekecewaan lalu pada Kejohanan Dunia di Brazil baru-baru ini selepas merangkul dua pingat emas dan satu gangsa.

“Syukur pada Kejohanan Dunia di Brazil tahun ini, saya akhirnya kembali berdiri di podium dan membawa pulang pingat untuk Malaysia. Ia bukan perjalanan yang mudah, terutamanya bagi seorang atlet wanita,” katanya kepada *Mingguan Malaysia*.

Ironinya, pada 2019 jugalah Cheong



**TAN Cheong Min (baris depan, tengah) bersama rakan sepasukan mempamerkan pingat yang dimenangi semasa menyertai Kejohanan Dunia 2025 di Brazil, baru-baru ini.**

Min mengecapi saat manis apabila meraih emas sulung individu di Kejohanan Wushu Dunia, Shanghai.

“Kemenangan 2019 ini lebih bermakna kerana ia datang daripada usaha individu. Ia terasa sangat berbaloi kerana segala penat lelah berbayar,” katanya.

Perjalanan getir itu bukan sahaja mengajarnya erti sabar dan ketabahan, malah ia menjadi titik tolak kepada sebuah cerita yang bermula jauh lebih

awal sewaktu beliau berusia sembilan tahun di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Cheng, Melaka.

“Saya mula menceburi sukan wushu ketika berusia 9 tahun. Pada awalnya, niat saya hanya untuk mengisi masa lapang dan menjaga kesihatan.

“Namun titik perubahan berlaku ketika saya berusia 12 tahun apabila saya terpilih menyertai pemilihan bagi Kejohanan Wushu Remaja Dunia Ketiga di Singapura,” katanya.

Bermula dari sekadar aktiviti kokurikulum, wushu akhirnya menjadi satu rutin kehidupan buat atlet kebangsaan itu.

“Kami menjalani kem latihan selama tiga minggu di Bukit Jalil, dan di situlah saya mula berazam untuk menjadi sebahagian daripada pasukan kebangsaan. Latihan bersama senior yang berpengalaman membakar semangat saya,” jelasnya.

Kini, anak kedua daripada empat beradik itu sudah lebih sedekad mewakili Malaysia serta mengharumkan nama negara di persada dunia.

“Saya mempunyai seorang abang

serta dua orang adik. Mereka sentiasa menjadi penyokong utama saya,” katanya.

Dalam pada itu, beliau juga berkata, inspirasi dalam sukan wushu datang daripada juara dunia, Lin Fan.

“Semangat beliau sentiasa memberi kekuatan kepada saya. Ia mengingatkan saya bahawa kegagalan bukan bermakna segalanya sudah berakhir, sebaliknya ia tanda kita masih perlu belajar dan bersedia dengan lebih baik,” katanya.

Antara detik paling pahit buatnya ialah pada Sukan Asia di Jakarta apabila peluang podium hanya tinggal selangkah, pun begitu beliau bangkit di Hangzhou lima tahun kemudian dengan kejayaan manis.

“Bagi saya, pingat yang diraih bukan sahaja milik saya tetapi juga milik semua yang sentiasa menyokong,” jelasnya.

Misi terdekat Cheong Min kini adalah meraih emas Sukan SEA di Thailand yang akan berlangsung pada Disember ini.

“Saya mahu memastikan diri saya benar-benar bersedia, memberikan persembahan terbaik, serta mengelakkan kecederaan.

“Saya percaya saya masih mampu menyumbang sesuatu kepada pasukan kebangsaan,” katanya.

## TAN CHEONG MIN

Umur: 27

Tarikh lahir: 20/08/1998

Asal: Tanjung Minyak, Melaka

Pendidikan: Sarjana Pentadbiran Perniagaan, SPE UPM

Pekerjaan: Atlet

Pencapaian:

2025

Kejohanan Wushu Dunia Kali Ke-17, Brazil 2025

» Women Nangun, Women Duilian - Emas

» Women nandao - Perak

Sukan Dunia Ke-12 Chengdu China

» Women Nanquan + Nandao - Emas

2024

Piala Dunia Taolu, Yokohama Japan

» Women Nangun - Emas

» Women Nanquan - Perak

Kejohanan Wushu Asia Ke-10, Macau China

» Women Nandao - Emas

» Women Nanquan, Women Nangun - Perak

2023

Sukan Asia Ke-19 Hangzhou China

» Women Nanquan + Nandao - Perak

Kejohanan Wushu Dunia Ke-16 Texas, Amerika Syarikat

» Women Nangun - Gangsa

Sukan SEA Ke-32 Kemboja

» Women Nanquan, Women Nandao + Nangun - Emas



**AKSI Tan Cheong Min beraksi dalam Kejohanan Dunia 2025 di Brazil baru-baru ini.**



**GAYA santai Tan Cheong Min di luar aktiviti sukan.**